


COVID-19 ADAKAH AIR KITA SELAMAT?




CORONAVIRUS VS COVID-19

Istilah Coronavirus merujuk kepada sekumpulan virus yang menyebabkan masalah pernafasan. COVID-19 adalah penyakit yang disebabkan oleh Coronavirus.^[1]

BOLEHKAH VIRUS COVID-19 TERSEBAR MELALUI AIR MINUMAN?

Menurut WHO, Coronavirus TIDAK PERNAH dikesan dalam bekalan air minuman dan berdasarkan bukti semasa, risiko untuk ia berada dalam bekalan air adalah rendah.^[3]



SELAMATKAH BEKALAN AIR KITA?

Bekalan air paip adalah SELAMAT di minum, risiko Coronavirus untuk berada dalam bekalan air adalah rendah kerana klorin didoskan dalam proses rawatan air.^[2]

PERLUKAH AIR PAIP DIMASAK SEBELUM MINUM?

Anda digalakkan untuk memasak air sementara waktu bagi mengukuhkan kawalan transmisi Covid-19 dan tidak menyimpan air paip di dalam bekas melebihi 24 jam kerana kandungan klorin akan terbebas menyebabkan bakteria dan virus boleh membiak.^[4]



BOLEHKAH KLOLIN DALAM BEKALAN AIR MEMBUNUH CORONAVIRUS?

Klorin merupakan agen PEMBUNUH BAKTERIA, mikroorganisma dan virus termasuklah Coronavirus. Ia didos semasa proses rawatan air sebelum disalur kepada pengguna. Oleh itu, bekalan air anda selamat untuk diminum dan kegunaan domestik seperti mencuci tangan, mandi dan sebagainya.^[2]

PERLUKAH KITA MEMBELI AIR MINUM YANG DIBOTOLKAN?

Tiada petunjuk bahawa Coronavirus boleh berada dalam bekalan air kita. TIADA KEPERLUAN untuk anda membeli air minuman yang dibotolkan.^[2]



YAKINI AIR KITA!

Rujukan:

[1] Naming the coronavirus disease (COVID-19) and the virus that causes it
<https://www.who.int>

[2] Coronavirus and Drinking Water and Wastewater
<https://www.epa.gov>

[3] Coronavirus Disease 2019 (COVID-19)
<https://www.cdc.g>

[4] Notes from the Field: Isolation of 2019-nCoV from a Stool Specimen of a Laboratory-Confirmed Case of the Coronavirus Disease 2019 (COVID-19)
<http://weekly.chinacdc.cn>



Air Selangor

www.airselangor.com